

NIPPON PAINT COLOURS OF LIFE CERIAKAN DEEPAVALI

Program CSR Memeriahkan Musim Perayaan untuk Sembilan Keluarga

Kuala Lumpur, 21 Oktober 2011 – Pesta cahaya tahun ini membawa lebih makna bagi sembilan keluarga di Taman Prima Selayang, yang akan menyambut Deepavali dengan lebih gembira selepas mendapat sentuhan warna daripada Nippon Paint. Jenama cat yang terkenal di Malaysia ini telah menukar wajah rumah mereka di bawah program *Nippon Paint Colours of Life*, yang bertujuan untuk menyediakan persekitaran yang dapat memupuk keakraban keluarga dalam rumah dengan transformasi persekitaran fizikal dan pemikiran.

Thulasi, antara penduduk yang terpilih di bawah program ini, berasa kagum dengan perubahan wajah ruang tamunya yang baru dicat semula, “Dengan cat baru ini, rumah saya nampak lain.” Beliau merasa sungguh gembira kerana rumahnya yang dahulu gelap kini nampak jauh lebih terang, bersih dan ceria. Selain mengucapkan kesyukuran, beliau akan membuat *kolam* untuk mengalu-alukan Dewi Lakshmi dan sebagai tanda berterima kasih kerana membawa tuah ke dalam keluarganya.

Penduduk Taman Prima Selayang, Vigeswari dan keluarganya memilih untuk mengecat semula rumah mereka dengan warna merah jambu. Katanya, “Anak-anak saya sangat gembira, mereka betul-betul suka dengan warna baru ini kerana ia memberikan rasa yang berlainan sama sekali. Sekarang, anak gadis saya Priya dan kawan-kawannya seronok sangat menghabiskan masa di rumah kami,” tambahnya.



Thulasi kagum betapa bezanya rumah selepas dicat. Ruang tamu yang gelap kini berubah menjadi ruang mainan yang terang, bersih dan meriah bagi dua anaknya.



Vigeswari dan keluarganya menikmati ruang yang diperbaharui dengan cat merah jambu.
Anaknya Priya dan rakan-rakan kini suka menghabiskan masa di rumahnya.

Prema, seorang lagi penduduk yang rumahnya sedang dicat semula, berkata beliau berasa gembira dan berterima kasih kerana rumahnya akan nampak cantik sempena Deepavali. “Anak lelaki saya Yoga seronok memerhatikan kerja-kerja mengubah wajah rumah kami. Dia berjanji untuk membantu menjaga kebersihan dinding dengan tidak mencontengnya!” kata Prema yang tidak dapat menyembunyikan kegembiraannya. Suami dan anak-anaknya memilih hijau untuk ruang tamu, yang akan dihias dengan kad Deepavali untuk menyambut perayaan tidak lama lagi.

Nippon Paint Colours of Life adalah inisiatif tanggungjawab sosial korporat (CSR) yang dilaksanakan oleh Nippon Paint Malaysia dengan kerjasama Persatuan Kebajikan Generasi Gemilang (PKGG), sebuah pertubuhan kebajikan yang bertujuan menyediakan persekitaran yang sesuai untuk mengeratkan ikatan hubungan keluarga dalam rumah dengan transformasi persekitaran fizikal dan cara fikir.

“Bak kata pepatah: *Rumahku adalah syurgaku*, dan keadaan rumah seseorang diketahui membawa pengaruh psikologi ke atas, tingkah laku, emosi, dan kesihatan mental secara keseluruhan. Dengan membantu mewujudkan suasana yang lebih mesra dan selesa, kami ingin menggalakkan keluarga menghabiskan lebih banyak masa bersama dan ini seterusnya akan membantu membina ikatan keluarga yang lebih kukuh dan nilai-nilai keluarga. Kemesraan dan keselesaan suasana di rumah adalah asas kebahagiaan

keluarga, perpaduan masyarakat, dan kejayaan negara,” jelas Penolong Pengurus Besar Sumber Manusia dan Hal Ehwal Korporat Nippon Paint (M) Sdn Bhd, Encik Jason Ho.

Berbekalkan kemahirannya sebagai pakar cat dan warna, Nippon Paint sedang mengubah wajah 12 rumah yang terpilih di Taman Prima Selayang, demi menyediakan persekitaran fizikal yang lebih baik, yang merupakan komponen penting dalam pembangunan keluarga. Serentak itu, PKGG menganjurkan program yang mengukuhkan hubungan keluarga serta program pembangunan perwatakan untuk kanak-kanak bagi memastikan inisiatif yang menyeluruh.

Program Nippon Paint Colours of Life adalah sebahagian daripada inisiatif CSR pakar cat itu untuk membangunkan masyarakat, komponen penting dalam komitmennya untuk memperbaiki kehidupan menerusi penggunaan warna.